



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/30/46 Jld. 2 (75)  
Tarikh : 25 Februari 2025

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

### URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U38 (U7) KE GRED U40 (U8) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Penolong Pegawai Farmasi Gred U40 (U8)** dan tawaran ini terbuka hanya kepada Penolong Pegawai Farmasi Gred U38 (U7) yang sedang memegang Gred U40 (U8) mulai **12.08.2024**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memegang Gred U40 (U8) **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.


3. Bagi melaksanakan urusan ini, YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan dimohon untuk mengemukakan maklumat seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai : 1 salinan  
01 Januari 2024**
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023 : 1 salinan**
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan : 1 salinan  
(LNPT) Tahun 2022, Tahun 2023, Tahun 2024 dan  
Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPk) Tahun 2025**

4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuan ke Gred U40 (U8), dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.



5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **28 Mac 2025 (Jumaat)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia  
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 9, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62590 W. P. PUTRAJAYA**  
(u.p.: Encik Mohd Asrul bin Ismail)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib bagi** pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)**

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

## SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian  
Bahagian Khidmat Pengurusan                      Mohon panjangkan kepada  
semua bahagian/jabatan di  
IPKKM
  
- Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan                      Mohon panjangkan kepada  
semua institusi latihan KKM  
di bawah BPL
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu


## **SENARAI EDARAN:**

- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
- Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah  
Hospital Tunku Azizah Kuala Lumpur
- Pengarah  
Institut Kanser Negara
- Pengarah  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan

**LAMPIRAN B**

**SENARAI SEMAK (CHECKLIST) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT  
JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM**


Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

- |  | <b>ADA</b>               | <b>/</b> | <b>TIADA</b>             |
|--|--------------------------|----------|--------------------------|
| 1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023<br>(Muat turun melalui Kod QR berikut)  | <input type="checkbox"/> |          | <input type="checkbox"/> |
|    |                          |          |                          |
| 2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT 2022, 2023, 2024<br>(Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan mukasurat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja) | <input type="checkbox"/> |          | <input type="checkbox"/> |
| 3. Salinan LNPk 2025   | <input type="checkbox"/> |          | <input type="checkbox"/> |
| 4. Cabutan salinan Penyata Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2024 sehingga kini  | <input type="checkbox"/> |          | <input type="checkbox"/> |
| 5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penanggungjawab lapor diri untuk pemangkuhan)   | <input type="checkbox"/> |          | <input type="checkbox"/> |

**SENARAI NAMA PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT  
BAGI PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U38/U7 KE GRED U40/U8  
TARIKH PEMANGKUAN : 12 OGOS 2024**

BIL	NAMA	KAD PENGENALAN	PENEMPATAN PEMANGKUAN
1	NOR'ASIKIN BINTI KASIMIN	670711015616	JOHOR

DISAHKAN OLEH :



NAMA : **MOHD ASRUL BIN ISMAIL**  
Penolong Setiausaha Kanan  
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)  
Bahagian Sumber Manusia  
Kementerian Kesihatan Malaysia

24/8/2025